

Yayasan Hasanah, Sebuah Yayasan Milik Khazanah Nasional Salurkan Lebih RM822,607 Demi Bantuan Kritikal kepada Komuniti Terjejas Banjir

Dana disalurkan kepada tujuh NGO untuk bantu lebih 12,860 individu dan 1,010 keluarga; siap sedia dana tambahan jika hujan monsun bertambah buruk

Selasa, 3 Disember 2024 – Khazanah Nasional Berhad melalui Yayasan Hasanah (“Hasanah”), telah segera menyalurkan lebih RM822,607 untuk menyediakan bantuan kemanusiaan kepada komuniti yang terjejas akibat banjir monsun yang melanda Malaysia. Sebagai cabang impak sosial Khazanah, Hasanah telah berada di barisan hadapan dalam usaha bantuan bencana, memastikan respons yang pantas dan bantuan yang berkesan sejak banjir bermula pada awal November 2024.

Setakat ini, dana telah diagihkan kepada tujuh agensi bantuan kemanusiaan, bertujuan membantu lebih 12,860 individu dan 1,010 keluarga di kawasan yang terjejas. Dengan situasi yang terus berubah, Hasanah bersedia untuk menyalurkan lebih banyak sumber bagi memenuhi keperluan mendesak komuniti yang memerlukan di seluruh negara.

Dalam kenyataan rasmi, Hasanah menegaskan komitmennya untuk meringankan beban mereka yang terjejas: “Kami kekal teguh dalam misi kami untuk menyediakan bantuan kritikal kepada keluarga dan individu yang terkesan oleh banjir monsun. Usaha kami tertumpu kepada memastikan sokongan yang segera dan bermakna, dan kami terus berdiri bersama komuniti yang kami santuni.”

Laporan dari lapangan menunjukkan terdapat beberapa keperluan mendesak bagi komuniti yang terkesan. Antara keutamaan kritikal ialah bekalan air minuman dan makanan, termasuk makanan sedia untuk dimakan (RTE) dan kit siap masak (RTC), untuk menyokong mangsa yang berpindah dan mereka yang masih terperangkap di rumah. Kit kebersihan dan sokongan perubatan juga amat diperlukan, terutamanya apabila risiko kesihatan meningkat akibat pendedahan berpanjangan kepada air banjir. Keperluan kumpulan rentan, seperti golongan warga emas dan mereka yang sakit, memerlukan perhatian khusus. Barangan seperti selimut, pakaian panas, dan bantuan perubatan sangat diperlukan oleh individu-individu ini yang menghadapi kesukaran lebih besar semasa banjir. Untuk keluarga yang mempunyai anak kecil, barangan seperti lampin bayi dan susu formula sangat diperlukan, selain barangan keselesaan seperti selimut, tuala, tilam, dan kit keperluan lengkap. Selain itu, generator amat diperlukan untuk memulihkan bekalan elektrik di kawasan yang terputus bekalan.

Setakat ini, Yayasan Hasanah telah menyalurkan bantuan bencana kemanusiaan melalui 7 rakan kerjasama NGO: HARAP Kuantan, HARAP Pekan & Rompin, Itizam Relief Society, IMAM Response & Relief Team (IMARET), Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia

(HALUAN), Pertubuhan Gabungan Bantuan Bencana NGO Malaysia (BBNGO), dan Pertubuhan Gerakan Prihatin Kuala Krai; masing-masing mengagihkan bantuan di lokasi berikut:

1. HARAP Kuantan, Pahang

- **Lokasi:** Kuantan, Pahang
- **Bantuan:** Penyimpanan makanan dan penggerakan sukarelawan di pusat pemindahan sementara (PPS).

2. HARAP Kuantan (Pekan dan Rompin)

Lokasi: Kampung Orang Asli di kawasan pedalaman Pahang.

Bantuan: Penyimpanan makanan untuk bantuan segera.

3. Itizam Relief Society

Lokasi: Tumpat, Kelantan.

Bantuan: Makanan sedia untuk dimakan (RTE), kit siap masak (RTC), air minuman, dan keperluan lain.

4. IMAM Response & Relief Team (IMARET)

Lokasi: Kelantan dan Terengganu (Kuala Krai, Pasir Mas, Besut).

Bantuan: Sokongan perubatan, pasukan perubatan bergerak, kit kebersihan, dan bantuan psikologi awal (PFA).

5. Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)

Lokasi: Pasir Mas, Kelantan.

Bantuan: Makanan siap makan dan kit kebersihan.

6. Pertubuhan Gabungan Bantuan Bencana NGO Malaysia (BBNGO)

Lokasi: Pasir Mas, Rantau Panjang, Pasir Puteh, Tumpat.

Bantuan: Makanan, air, dan kit kebersihan untuk kanak-kanak serta dewasa.

7. Pertubuhan Gerakan Prihatin Kuala Krai

Lokasi: Kuala Krai, Kelantan.

Bantuan: Bantuan makanan untuk individu yang terperangkap.

Dana ini juga merupakan sebahagian daripada sumbangan Yayasan Hasanah di bawah **GLC & GLIC Demi Rakyat & Negara (GDRN)**, satu kerjasama kolektif antara syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) yang memfokuskan kepada pembangunan negara, termasuk bantuan kemanusiaan sebagai salah satu keutamaannya.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh kesiapsiagaan banjir di Malaysia, Yayasan Hasanah, dengan kerjasama GDRN, telah aktif menyumbang kepada **Anticipatory Action Plan**. Pelan ini bertujuan untuk meningkatkan analisis risiko, pengurusan sumber persediaan banjir, dan ketahanan komuniti. Dengan bekerjasama dengan agensi utama seperti NADMA, METMalaysia, dan MATCH Foundation, pelan ini mengintegrasikan sistem amaran awal berasaskan data, bekalan bantuan persediaan banjir, dan mekanisme tindak balas

yang disesuaikan dengan keperluan setempat untuk melindungi komuniti rentan banjir serta infrastruktur kritikal. Pendekatan proaktif ini memastikan tindakan tepat pada masanya, mengurangkan kesan banjir, dan menyokong pemulihan yang mampan untuk komuniti yang terjejas.

Melangkah ke hadapan, Yayasan Hasanah menjangkakan musim banjir yang akan datang akan berlangsung dalam tempoh beberapa bulan, dibahagikan kepada beberapa gelombang. Fasa pemulihan akan memerlukan usaha kolektif untuk membantu komuniti membina semula kehidupan mereka.

Sebagai tanda solidariti, Temasek Foundation telah menyalurkan SGD50,000 untuk menyokong usaha bantuan kemanusiaan ini. Hasanah mengucapkan terima kasih atas sokongan ini, yang akan memperluas capaian bantuan kemanusiaan kepada komuniti yang terjejas.

Menurut imej radar MET Malaysia, hujan lebat berterusan kini tertumpu di Kelantan dan Terengganu. Gelombang monsun yang dijangka berlaku dari 6 hingga 9 Disember 2024 berpotensi membawa lebih banyak hujan, meningkatkan risiko banjir di kawasan timur Semenanjung Malaysia.

Sebagai yayasan berteraskan impak di bawah Khazanah Nasional Berhad, Yayasan Hasanah mengalu-alukan kerjasama dengan organisasi filantropi, agensi kerajaan, dan syarikat swasta untuk memberikan bantuan kepada komuniti yang terjejas akibat banjir. “Setiap usaha memberi impak dalam meringankan beban yang ditanggung oleh komuniti ini,” kata Hasanah.

Organisasi yang berminat untuk memohon dana bagi menjalankan usaha bantuan bencana di kawasan terjejas digalakkan untuk menghubungi Yayasan Hasanah melalui emel di connect@hasanah.org.my.

-- TAMAT --

TENTANG YAYASAN HASANAH

Yayasan Hasanah (“Hasanah”) merupakan sebuah yayasan berasaskan impak di bawah Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”), dana kekayaan berdaulat Malaysia. Hasanah lahir sebagai sebuah yayasan penganugerahan geran bebas pada 1 Julai 2015; sebuah kesinambungan kepada usaha Tanggungjawab Korporat (CR) yang sebelumnya dipacu oleh Khazanah untuk sembilan tahun. Sebagai organisasi penganugerahan geran, Hasanah menjangkau lebih daripada wang ringgit untuk memudahkan ekosistem transformasi, berkerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan, menanamkan semangat advokasi dan mengembangkan kemampuan dalam lima bidang tumpuan utamanya: Pendidikan; Pembangunan Komuniti; Alam Sekitar; Kesenian & Ruang Awam; dan Pengetahuan. Secara kolektif dan kolaboratif, Hasanah berharap dapat menggerakkan anjakan reformasi sosial dan masyarakat untuk rakyat Malaysia, ke arah Memajukan Malaysia. Bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut, sila layari www.yayasanhasanah.org.

Gambar Hiasan

Muat turun gambar di [SINI](#).



Foto 1



Foto 2

Foto 1 & 2

Pertubuhan Gabungan Bantuan Bencana NGO Malaysia (BBNGO) menyediakan bantuan makanan asas, air, dan kit kebersihan kepada lebih 1,000 kanak-kanak dan dewasa yang terjejas akibat banjir besar di Pasir Mas, Rantau Panjang, Pasir Puteh, dan Tumpat. Sebuah “talian hayat” bagi mereka yang memerlukan sepanjang krisis ini.



Foto 3



Foto 4

Foto 3 & 4

*Menerusi Respons Bantuan Bencana Kemanusiaan Hasanah, **IMAM Response & Relief Team (IMARET)** menyalurkan bantuan kritikal di Kelantan dan Terengganu (Kuala Krai, Pasir Mas, Besut) dengan menyediakan sokongan perubatan, pasukan perubatan bergerak, kit kebersihan, dan bantuan psikologi awal (PFA) kepada individu yang memerlukan.*